

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KOTA BHARU : 25HB. J/AWAL, 1394
16HB JUN, 1974

Kepada,

Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah,
KELANTAN.

Tengku/Tuan,

ARAHAN P.T.G. Kn. I/1974

**PEMBICARAAN TUNTUTAN-TUNTUTAN PESAKA KECIL
YANG BERNILAI \$25,000.00 KEBAWAH MULAI 1HB. JULAI. 1974**

Dengan hormatnya dimaklumkan Pejabat ini telah diberitahu bahawa waris- waris simati dalam hendak membuat tuntutan pesaka kecil pada masa-masa yang lepas telah menghadapi kesukaran tentang mendapatkan NILAIAN harta-harta simati yang dibuat oleh orang-orang yang tidak bersangkutan dengan Pejabat Tanah. Saya telah difahamkan bahawa komisen nilaian yang tinggi dikenakan aras waris-waris untuk hendak menyelesaikan pesaka yang hendak dituntut dan kadangkalanya menjadi penghalang besar kepada waris-waris yang hendak menuntut pesaka kecil.

2. Bab (5) The Small Estates (Distributions) Ordinance No. 34/1955 menjelaskan bahawa hak menilaikan tanah-tanah untuk pesaka kecil adalah ditangan Pemungut Hasil Tanah dan oleh itu nilaian tanah daripada selain daripada yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah adalah tidak boleh dipakai. Potongan ayat Bab (5) Ordinance tersebut berbunyi demikian :-

“The Collector for each district ini which is situated any parts of the immovable property comprised in an estate in respect shall determine the value of the property, as at the date of lodging the Petition, or, if more than one petition has been lodged as of the date of lodging the earliest petition and every such valuation shall be conclusive for the purpose of this Ordinance.”

3. Dengan adanya Bab (5) Ordinance tersebut diharapkan mulai daripada 1hb. Julai 1974 semua Pemungut Hasil Tanah hendaklah menasihatkan penduduk-penduduk dalam kawasan masing-masing bahawa semua tuntutan pesaka kecil, dalam borang yang ditetapkan, hendaklah dihantar terus kepada Pemungut Hasil tanah berkenaan dengan tidak perlu diberi nilai tanah-tanah pesaka itu terlebih dahulu. Semua nilai tanah pesaka kecil hendaklah dibuat oleh pemungut Hasil Tanah setelah menerima permohonan-permohonan daripada waris-waris yang menuntut pesaka berkenaan.

Sekian dimaklumkan.

(Mohd.Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian,
Kelantan.

s.k.

Yang Berhormat Dato Setiausaha Kerajaan (SUK.Kn.61/57/Jld.II)
Semua Pegawai-Pegawai Jajahan, Kelantan.
Pegawai Penyelesaian Pesaka Kecil, Kelantan